

Maklumat Komoditi : Orkid (Cymbidium)

Pengairan Dan Saliran

Jumlah air yang diperlukan oleh pokok-pokok orkid bergantung kepada beberapa factor dan keadaan seperti jenis-jenis pasu dan media penanaman yang digunakan, suhu persekitaran, pergerakan angin, kekuatan cahayamatahari serta peringkat tumbesaran .

Pokok orkid yang baru di tanam perlu disiram setiap hari kecuali pada musim hujan penyiraman hendaklah disesuaikan mengikut tahap kelembapan yang ada.

Kekurangan air pada tanaman orkid boleh menjejaskan kesegaran pokok manakala terlalu banyak air akan menyebabkan pokok orkid mudah dijangkiti penyakit. Keadaan hujung akar pokok orkid boleh dijadikan panduan bagi menentukan samaada pokok tersebut memperolehi jumlah air yang mencukupi untuk tumbesaran atau tidak.

Pokok orkid yang mendapat air yang cukup akan mempunyai hujung akar yang berwarna hijau segar manakala pokok-pokok orkid yang mengalami kekurangan air mempunyai hujung akar berwarna coklat. Air yang berlebihan dapat dikesan dengan keadaan pasu yang berlumut.